

**Di akhir perhimpunan agung, Najib merayu agar Umno terima konsep 'calon boleh menang'**

**Malaysian Insider**

**Disember 01, 2012**

**Oleh Mohd Farhan Darwis**

KUALA LUMPUR, 1 Dis — Datuk Seri Najib Razak dalam ucapan penggulangannya menegaskan kepada ahli-ahli Umno tentang konsep "calon boleh menang" yang bakal diperkenalkannya dalam pilihan raya umum (PRU) ke 13 akan datang.

Langkah tersebut dilihat sebagai usaha terakhir Presiden Umno itu untuk meyakinkan ahli-ahli partinya agar tidak melakukan sabotaj kepada parti tersebut sekiranya tidak terpilih sebagai calon pada PRU nanti.

"Kita akan turun gelanggang tak lama lagi, bila kita turun, bererti kita akan berperang, dan angkatan kita mesti cukup kuat dan padu. Saya percaya musuh tidak berapa kuat, saya yakin orang ramai akan memihak kepada Umno, BN, yg saya kluatir sikit je, apa tu?, cecite, cecite, soal kita sesama kita.

"Kalau saya nak buat survey, saya nak tanya soalan cepu emas, kalau anda tidak terpilih sebagai calon, adakah anda akan sokong calon dipilih Umno dan BN?"

"Ada lima kemungkinan, pertama, akan sokong sepenuhnya, kedua, sokong, ketiga, tak bekerja, empat sabotaj, lima, lompat parti," kata beliau yang juga perdana menteri. "Kita akan turun gelanggang tak lama lagi, bila kita turun, bererti kita akan berperang, dan angkatan kita mesti cukup kuat dan padu. Saya percaya musuh tidak berapa kuat, saya yakin orang ramai akan memihak kepada Umno, BN.

"Hanya, yang saya kluatir sikit je ... apa tu? ... ceciter ... ceciter ... soal kita sesama kita," kata Najib mengajuk dialog dalam filem Hantu Kak Limah ketika merujuk kepada hubungan dalaman antara ahli Umno.

"Kalau saya nak buat survey, saya nak tanya soalan cepu emas, kalau anda tidak terpilih sebagai calon, adakah anda akan sokong calon dipilih Umno dan BN?" soal Najib ketika memberikan ucapan penggulangan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sempena Perhimpunan Agung Umno ke-66.

Najib turut menjelaskan akan ada beberapa kemungkinan yang bakal dilakukan ahli Umno yang beliau jangkakan, sekiranya tidak dicalonkan bertanding dalam PRU ke-13 akan datang.

"Ada lima kemungkinan; pertama akan sokong sepenuhnya, kedua sokong, ketiga tak bekerja, ke empat sabotaj, dan kelima, lompat parti!!!," kata perdana menteri itu lagi.

Jelas Najib, walaupun suasana di PWTC jelasnya cukup gamat dengan sorakan perwakilan dan pemerhati yang cukup bersemangat, itu tidak membuktikan semangat berkenaan akan bertahan sehingga tiba masa pilihan raya nanti.

"Walaupun suasana dewan gema begitu hebat, tapi nak bawa semangat ini, bertahan sampai pilihan raya, nak jumpa penyokong bila balik.

"Sebab antara kita banyak tukang kipasnya ... dia akan cong kita ... kalau tak kuat iman ... daripada sokong sepenuhnya dia turun kepada sokong, atau buat dek, atau sabotaj parti atau lompat parti.

"Saya sebut sebagai kemungkinan, di dalam dewan ini, penyokong tegar, dan setia kepada parti ... tetapi ada juga bekas menteri, bekas timbalan menteri yang mengkhianati parti," tegasnya tanpa merujuk kepada mana-mana individu.

Najib melihat, golongan berkenaan berubah dan keluar daripada Umno ekoran wujudnya rasa "gila jawatan" kerana dirasuk orang-orang tertentu, walaupun telah merasa nikmat memegang jawatan dalam kerajaan.

"Dia dah rasa nikmat jadi menteri, timbalan menteri, tapi hari ini kerana gila jawatan kerana dirasuk orang tertentu, mereka menjadi orang yang menentang Umno dan Barisan Nasional (BN)," kata Najib.

Justeru, beliau mengharapkan sokongan yang cukup kuat terhadap persoalan yang dibangkitkan beliau, dan jika itu berlaku, BN dan Umno jelasnya akan beroleh mendat dua pertiga majoriti dan kemenangan besar dalam pilihan raya umum akan datang.

"Sebab itu kita mesti kata dengan suara cukup hebat, jawapan yang kita hendak daripada soalan itu ialah 'saya tetap akan sokong sepenuhnya calon Umno- BN.'

"Kalau itu jawabannya dalam hati kita, InsyaAllah ... kemenangan dalam PRU13 akan kembali kepada BN dengan kemenangan dua pertiga," katanya lagi.

Sementara itu, ketika sidang media, ahli Parlimen Pekan itu menegaskan, beliau yakin sekiranya mana-mana ahli ahli itu benar-benar sayangkan Umno, dan menyedari tindakan mensabotaj parti akan memudaratkan, mereka akan bertindak dengan lebih rasional.

"Itu dalam hati dan minda dia, kalau hati dia sayang Umno, dia sedar perbuatan seperti itu merosakkan dia, dia akan bertindak secara rasional," katanya kepada pemberita.

Najib juga menegaskan, bagi mencapai sasaran dua pertiga majoriti Parlimen seperti ucapannya, Umno dan BN perlu bekerja keras bagi membolehkan hasrat mereka itu tercapai.

"Sasaran kami untuk dua pertiga, dan kami akan bekerja keras untuk itu," tambahnya lagi.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/diakhir-perhimpinan-agung-najib-merayu-agar-umno-terima-konsep-calon-boleh-menang/>